

Mahasiswa perlu bijak tangani cabaran

Evolusi peribadi, mentaliti mesti berubah ikut aliran semasa lebih global

B.H 21/06/07 MS 11

Oleh Mohamad Sofee Razak

INTI PATI

KINI kita memiliki ratusan ribu mahasiswa yang belajar di dalam dan di luar negara, sama ada dibiayai kerajaan, swasta atau persendirian. Namun, yang penting ialah kualiti dan sumbangan yang bakal diberikan mahasiswa adalah persoalan amat penting dibincangkan.

Sejauh manakah mahasiswa kini sedar akan tugas dan tanggungjawab serta amanah yang perlu mereka tunaikan. Adakah mereka bersedia melaksanakannya demi kebaikan, kemajuan dan pembangunan agama, bangsa dan negara.

Mungkin hanya sebilangan kecil saja menyedari hakikat itu dan masih banyak lagi yang masih belum sedar, kaku dan tiada hala tuju serta matlamat jelas ketika pengajian, bahkan selepas menamatkan pengajian mereka.

Kelompok masyarakat ini sebenarnya masih ada yang keliru dan hilang arah tujuan serta masih lagi mencari-cari identiti dan entiti mereka sebagai mahasiswa sebenar di mana mereka menjadi insan harapan nusa dan bangsa.

Mereka kadangkala seolah-olah tidak tahu apa yang seharusnya dilakukan dan mungkin juga ada yang langsung tidak mengambil berat dan endah tak endah berkenaan perkara itu sehinggalah terbawa-bawa hingga ke alam pekerjaan.

Keadaan ini menyebabkan mereka masih tidak yakin pada diri sendiri; hilang rasa bangga sebagai seorang mahasiswa; malu berhadapan masyarakat; takut kepada cabaran; kurang persediaan dan persiapan yang amat ala kadar; tidak bersemangat di dalam melaksanakan sesuatu tugas; hilang arah tujuan dan matlamat hidup; semangat kerja yang mundur dan tiada motivasi serta pelbagai lagi sikap

- Mahasiswa kini perlu sedar tugas dan tanggungjawab yang perlu ditunaikan demi kebaikan, kemajuan dan pembangunan agama, bangsa dan negara.
- Masih ada sebilangan kecil mahasiswa masih belum sedar, kaku dan tiada hala tuju serta matlamat jelas.
- Sikap mahasiswa kini yang kadang-kadang agak agresif dan membuta-tuli dalam menangani segala isu sering kali dikaitkan dengan pelbagai gelaran dan slogan terutama sebagai 'anti-establishment', pro-pembangkang, anti-kerajaan, sosialis, komunis, pengganas dan banyak lagi.
- Masih ada mahasiswa tidak sedar nikmat dan keuntungan peluang belajar di menara gading kerana mereka lebih mirip serta sibuk untuk menentang dan mencabar pihak kerajaan serta pusat pengajian tinggi.
- Mahasiswa tidak harus meletakkan diri mereka bersama-sama di dalam arus perdana politik, ekonomi dan sosial negara kerana mereka masih lagi diberi ruang dan tempat berpolitik secara sihat di kampus tanpa dipengaruhi mana-mana parti politik.

secara profesional bagi menangani masalah yang berlaku.

Apa yang menyedihkan ialah masih ada mahasiswa tidak sedar akan nikmat dan keuntungan peluang belajar di menara gading di mana masih ada sebilangan kecil daripada mereka yang tidak menggunakan sepenuhnya masa serta titik peluh mereka untuk menuntut ilmu dan mendalami disiplin pengajian mereka masing-masing.

Tetapi mereka lebih mirip serta sibuk untuk menentang dan mencabar pihak kerajaan serta pusat pengajian tinggi. Sering kali juga mereka mencari publisiti murahan untuk meraih sokongan parti politik pembangkang.

Mereka juga turut menjadi ejen serta tali barut anasir luar dengan mencemuh dan mengeji negara dan bangsa di luar negara terutama di negara barat dan negara Arab. Bahkan mereka juga mudah terpengaruh dan turut pula mengembangkan budaya kuning bersifat hedonisme.

Mahasiswa juga kadangkala mudah terpengaruh dengan corak kepemimpinan dan gerakan mahasiswa di luar negara yang ganas dan keterlaluan serta pelbagai lagi masalah sosial yang kini kian menjadi-jadi terutama membabitkan mahasiswa sama ada di pusat pengajian tinggi awam, swasta dan apatah lagi di luar negara.

Mereka seharusnya tidak meletakkan diri mereka bersama-sama di dalam arus perdana politik, ekonomi dan sosial negara kerana mereka masih lagi diberi ruang dan tempat untuk mereka berpolitik secara sihat di kampus masing-masing tanpa dipengaruhi mana-mana parti politik.

Mereka sebenarnya masih boleh bersama-sama pihak kerajaan dan pusat pengajian tinggi di mana mereka sedang belajar untuk sama-sama merancang dan ber-

hasiswa kini.

Walaupun ia pernah dengan tegas diuarakan dan diperjuangkan oleh mahasiswa pada era tahun 70-an, isu itu kini, sudah dianggap selesai dan berjaya ditangani pihak berwajib dengan jayanya. Senario semasa berubah dan medan perjuangan mahasiswa masa kini juga turut berubah.

Evolusi keperibadian dan mentaliti mahasiswa juga berubah mengikut aliran semasa dan mereka mestilah bijaksana di dalam menangani perubahan itu. Isu lapuk dan ketinggalan zaman haruslah ditinggalkan dan mereka sebenarnya sedang menghadapi satu dimensi baru yang mana dasar dan puncaknya adalah keglobalan digital dan siber sifatnya.

Untuk itu adakah mahasiswa, masyarakat dan negara bersedia untuk itu dan apakah sudah ada perancangan dan pelan tindakan masa hadapan oleh mahasiswa untuk cabaran seterusnya terutama bagi menangani jenayah siber sama ada bersifat ekonomi dan ketenteraan, penyalahgunaan medium siber seperti internet, serangan terhadap agama melalui alam siber dan banyak lagi yang sewajarnya diberi perhatian mahasiswa masa kini.

Mungkin juga mereka terlupa akan tugas dan amanah utama mereka di pusat pengajian tinggi bahawa mereka sebenarnya bakal memikul beban tanggungjawab untuk mengisi barisan kepemimpinan negara suatu hari nanti; meneruskan lagi kelancaran dan kerancakan ekonomi negara; bersama-sama membangunkan kepesatan teknologi negara; membina dan menguatkan lagi institusi keagamaan; dan seterusnya membimbing masyarakat ke arah kebaikan serta kesejahteraan di dunia dan di akhirat seluruhnya.

Untuk itu mahasiswa perlu mempersiapkan

nuti ekonomi sosial politik teknologi dan

tiada motivasi serta pelbagai lagi sikap negatif yang sering kali menghantui mahasiswa semasa pengajian dan selepas tamat pengajian.

Mahasiswa sebenarnya mempunyai idealisme dan jati diri mereka yang tersendiri. Hidup sebagai mahasiswa bagaikan berada di alam idealistik dan realistik. Mereka amat pantang kalau ada yang mencabar kepemimpinan mereka, keperibadian mereka, mentaliti mereka, kredibiliti mereka dan mungkin juga semangat nasionalisme mereka.

Mahasiswa memang dikenali kental dan waja dalam apa juga tindakan yang mereka lakukan di mana juga mereka berada.

Mahasiswa amat sensitif kepada isu semasa sama ada yang bersifat kemasyarakatan, keagamaan dan tidak kurang juga bersifat kesejagatan. Seluruh aspek meli-

puti ekonomi, sosial, politik, teknologi dan pelbagai lagi isu nasional dan antarabangsa pasti akan cuba diterajui serta dijuarai mahasiswa.

Namun sikap mahasiswa kini yang kadang-kadang agak agresif dan membuta-tuli dalam menangani segala isu sering kali dikaitkan dengan pelbagai gelaran dan slogan terutama sebagai 'anti-establishment', pro-pembangkang, anti-kerajaan, sosialis, komunis, penganas dan banyak lagi.

Pada persepsi mahasiswa yang salah dan terpesong, seolah-olah pada mereka apa juga yang dilakukan pihak kerajaan adalah tidak betul, korup, tidak sesuai, belum sampai masanya, membazir dan pelbagai lagi tohmahan palsu dilemparkan kepada pemerintah. Begitupun, masih ada mahasiswa yang cermat dan bijaksana di dalam membicarakan isu semasa dan bertindak

untuk sama-sama merencana dan berganding bahu bagi membantu kelangsungan perjalanan ekonomi, kebajikan dan keadaan sosial negara mengikut acuan dan idealisme mahasiswa yang sebenarnya.

Mereka boleh menyalurkan idea bernas melalui sesi dialog, perbincangan dan musyawarah, projek khidmat masyarakat setempat di mana banyak lagi aktiviti yang boleh dilakukan oleh mereka sewajarnya selaras Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 dan bukan dengan cara menentang dan mencaci pihak tertentu.

Seterusnya berkenaan masalah kemiskinan, isu keagamaan yang remeh-temeh, ketidakadilan sosial, hak asasi manusia dan juga perkauman yang sering kali menjadi topik utama perjuangan mahasiswa terdahulu dan kini bukanlah agenda utama yang seharusnya diperjuangkan oleh ma-

Untuk itu mahasiswa perlu mempersiapkan diri mereka sepenuhnya dan memantapkan lagi keilmuan sebelum mereka terjun ke dalam kancah masyarakat semasa dan seterusnya ke arena antarabangsa secara langsung.

Negara amat memerlukan individu yang kental dan punya keyakinan diri tinggi. Masyarakat juga ingin melihat akan hasil dan kualiti mahasiswa yang akan dan bakal memperjuangkan nasib dan masa hadapan mereka. Oleh itu, mahasiswa perlu merubah diri mereka dulu sebelum mencapai keinginan dan bercita-cita untuk merubah masyarakat dan negara ke arah yang lebih baik dan gemilang.

Penulis, Iulusan Sarjana Komunikasi Massa UiTM kini bekerja sebagai peguam